



KERAJAAN MALAYSIA

**Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan/
Pembaikan Penyaman Udara Yang Tidak Melibatkan
Kerja Elektrik Yang Kompleks**

(Pindaan Pada 15 Julai 2019)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 7.13 PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN/ PEMBAIKAN PENYAMAN UDARA YANG TIDAK MELIBATKAN KERJA ELEKTRIK YANG KOMPLEKS	2
1. Kaedah dan Had Nilai.....	2
2. Syarat Perolehan	2
3. Jawatankuasa Penilaian	2
4. Pesanan Kerajaan	3
5. Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan Dan Dokumen Perjanjian.....	3
6. Tarikh Kuat Kuasa.....	3

**PK 7.13 PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN/
PEMBAIKAN PENYAMAN UDARA YANG TIDAK MELIBATKAN
KERJA ELEKTRIK YANG KOMPLEKS**

1. Kaedah dan Had Nilai

1.1 Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan perkhidmatan penyelenggaraan/pembaikan penyaman udara yang tidak melibatkan kerja elektrik yang kompleks seperti berikut:

1.1.1 Perolehan sehingga RM20 ribu boleh dilaksanakan secara rundingan terus dengan mana-mana syarikat/pembekal sama ada berdaftar/tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi satu (1) pesanan dalam tempoh setahun; dan

1.1.2 Perolehan melebihi RM20 ribu, pelaksanaan hendaklah mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

2. Syarat Perolehan

2.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.

2.2 Kajian pasaran adalah dikecualikan.

2.3 Agensi hendaklah mengambil langkah penjimatan dan mendapatkan nilai faedah terbaik dan seboleh-bolehnya tidak menjurus kepada satu (1) syarikat sahaja.

2.4 Tatacara rundingan harga seperti di PP/PK7.16 adalah dikecualikan.

2.5 Tatacara perolehan ini adalah tidak terpakai kepada perolehan penyelenggaraan dan pembaikan penyaman udara di bawah kontrak pengurusan fasiliti bangunan Kerajaan.

3. Jawatankuasa Penilaian

3.1 Agensi dikecualikan daripada menubuhkan Jawatankuasa Penilaian.

4. Pesanan Kerajaan

- 4.1 Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e). Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5. Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan Dan Dokumen Perjanjian

- 5.1 Agensi hendaklah memastikan pengeluaran Surat Setuju Terima, pengenaan Bon Pelaksanaan dan penyediaan Dokumen Perjanjian mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

6. Tarikh Kuat Kuasa

- 6.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2019.